



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

20.12.2021

Siaran Media  
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **EMPANGAN PULAU PINANG PENUH MENJELANG MUSIM KEMARAU 2022**

- Jumlah hujan yang tinggi direkodkan di kawasan tадahan air di 3 empangan utama Pulau Pinang sejak Julai 2021.**

PULAU PINANG, Isnin, 20.12.2021: Kapasiti efektif 3 empangan utama Pulau Pinang telah mencapai tahap yang sihat menjelang musim kemarau 2022:

Empangan	% Kapasiti efektif (17.12.2021)	Kapasiti efektif maksimum (juta liter – JL)	Hujan dalam mm (1.7.2021 hingga 17.12.2021)
Air Itam	<b>88.7</b>	2,159	<b>1,440.3</b>
Teluk Bahang	<b>87.6</b>	18,240	<b>1,733.5</b>
Mengkuang	<b>93.9</b>	86,400	<b>3,579.0</b>

Oleh kerana penggunaan air harian di Pulau Pinang secara relatifnya kekal stabil, sebab utama adalah jumlah hujan yang tinggi di kawasan tадahan air empangan, sejak 6 bulan lalu iaitu sejak Julai 2021.

Fenomena ini membuktikan bahawa hujan adalah faktor utama untuk mengisi semula empangan Pulau Pinang ke tahap yang sihat.

Status empangan semasa juga mencerminkan hakikat bahawa tiada yang salah dengan empangan dan kawasan tадahan air Pulau Pinang.


### **Analisis perbandingan tahun ke tahun**

Dari sudut kejuruteraan bekalan air, Empangan Teluk Bahang telah “pulih” pada Disember 2021, manakala Empangan Air Itam telah diisi semula ke “paras selamat” tepat pada masanya.



Tidak seperti Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang yang merupakan “empangan kegunaan harian”, Empangan Mengkuang berfungsi terutamanya sebagai “rizab strategik kemarau”.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menggunakan rizabnya ketika musim kemarau apabila ia tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda dan apabila kapasiti empangan hampir 100%. Oleh itu, PBAPP telah “menstabilkan” kapasiti efektif Empangan Mengkuang pada tahun 2021.



Empangan	% Kapasiti efektif (5.9.2020)	% Kapasiti efektif (17.12.2021)	% Perbezaan dalam kapasiti efektif
Air Itam	33.3%	88.7	<b>55.4</b>
Teluk Bahang	16.0%	87.6	<b>71.6</b>
Mengkuang	88.0%	93.9	<b>5.9</b>

Sila maklum perkara berikut:

- Kapasiti efektif maksimum Empangan Air Itam (2,159 JL) adalah jauh lebih rendah daripada Empangan Teluk Bahang (18,240 JL). Oleh itu,



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

lebih banyak hujan diperlukan untuk mengisi semula Empangan Teluk Bahang.

- Pada 5.9.2020, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang ialah 16.0%, berikutan taburan hujan yang rendah di kawasan tadahan airnya dalam tempoh 13 bulan (dari Ogos 2019 hingga September 2020).
- Dari segi kapasiti efektif, Empangan Teluk Bahang mengambil masa lebih 15 bulan untuk “pulih”, dari 5.9.2020 hingga 17.12.2021.

### **Persediaan untuk tahun 2022**

Empangan Pulau Pinang berada dalam keadaan yang agak baik ketika kita bersedia untuk musim kemarau pertama 2022, yang dijangka bermula pada Januari.

Bagaimanapun, disebabkan perubahan iklim, ketibaan musim hujan pertama 2022 untuk mengisi semula empangan (selepas musim kemarau) mungkin tidak lagi dapat diramalkan dengan baik.

PBAPP akan terus merancang untuk memastikan bekalan air mencukupi pada tahun 2022. Untuk berhemat, kami akan terus memantau hujan, kapasiti efektif empangan dan paras air Sungai Muda setiap hari. Kami juga akan melaksanakan bekalan air “kawalan cuaca kering” mulai Januari 2022.

PBAPP menggalakkan semua pengguna air Pulau Pinang untuk terus menggunakan air secara bijak pada tahun baharu.

Kami memerlukan kerjasama dan sokongan anda untuk memastikan bekalan air mencukupi untuk semua pada tahun 2022, ketika Pulau Pinang berusaha untuk pulih dengan efektif daripada pandemik Covid-19 dan kesan sosio ekonominya.

Untuk tip-tip jimat air, sila lawati [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : syarifah@pba.com.my



17.12.2021 : AIR ITAM DAM EFFECTIVE CAPACITY AT 88.7%



17.12.2021 : TELUK BAHANG DAM EFFECTIVE CAPACITY AT 87.6%



17.12.2021 : MENGKUANG DAM EFFECTIVE CAPACITY AT 93.9%